

### **3 bulan didik patuhi syarat**

---

PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju memberi tempoh tambahan tiga bulan melalui pendekatan 'soft landing' dan mendidik kepada semua pemandu e-hailing yang masih belum mematuhi syarat ditetapkan untuk terus beroperasi.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook, berkata pihaknya melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengambil pendekatan penguatkuasaan berbentuk mendidik secara berperingkat kepada pemandu e-hailing.

Katanya, keputusan itu diputuskan melalui mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

“Semua pemandu e-hailing yang masih belum mematuhi syarat ditetapkan kerajaan, dibenarkan meneruskan operasi mereka selama tiga bulan bermula hari ini.

“Sepanjang tempoh tiga bulan bermula hari ini, mana-mana pemandu yang memandu tanpa Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) atau memandu kenderaan yang tidak mematuhi syarat kenderaan akan diberi nasihat, pendidikan dan amaran akhir supaya melengkapkan semua peraturan ditetapkan.

Keputusan lain, katanya, syarat dan peraturan bagi 31 Syarikat Perniagaan Pengantaraan (EHO) mula dikuatkuasakan, manakala komisen pemandu e-hailing adalah maksimum 20 peratus dan pemandu teksi pula maksimum 10 peratus.

Pada Julai tahun lalu Kementerian Pengangkutan memberikan moratorium selama setahun kepada syarikat e-hailing untuk persiapan pematuhan peraturan baru sebelum dikuatkuasakan sepenuhnya yang sepatutnya bermula semalam.

Ia untuk memberi masa dan ruang kepada mereka yang terbabit dalam perkhidmatan itu memohon perniagaan pengantara, lesen memandu vokasional, pendaftaran kenderaan dan membeli insurans tambahan.

Ditanya alasan kerajaan memberi tempoh tambahan tiga bulan itu, Loke berkata, ia pendekatan praktikal kerana ramai pemandu e-hailing menjalani proses mendapatkan PSV dan Permit Kenderaan E-hailing (eVP) yang sememangnya sudah dijangka.

“Lihat sahaja dalam tempoh seminggu terakhir ini, beri-ribu pemandu mengambil PSV. Apabila saat akhir, proses akan menjadi lambat sedangkan kita sudah sejak berbulan-bulan lalu. Kita juga tidak mahu masalah kepada penumpang kerana ketiadaan perkhidmatan ini,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 17,596 eVP iaitu 4,216 teksi dan 13,380 kenderaan persendirian sudah dikeluarkan yang dijangka terus meningkat selepas pemandu mendapat lesen masing-masing.

“Seramai 31,731 calon sudah mendaftar untuk kursus dan ujian PSV di 226 institut memandu seluruh negara. Daripada jumlah itu, 25,248 calon lengkap kursus manakala bakinya, lulus ujian PSV.

“Selain itu, seramai 16,528 orang sudah menghadiri kursus PSV yang dikendalikan EHO dan daripada jumlah itu, seramai 3,090 calon lulus ujian PSV. Ini menjadikan jumlah keseluruhan calon yang lulus PSV seramai 22,981 orang,” katanya.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 4 | 13 JULAI 2019**